

Ghazali: Siddiq belum sempat main peranan

KUALA LUMPUR, Selasa — Siddiq Mohamad Ghouse yang ditangkap semalam belum memberi sebarang maklumat yang boleh menjejaskan keselamatan negara kepada badan rahsia Soviet KGB, kata Menteri Dalam Negeri, Tan Sri Ghazali Shafie hari ini.

Menurut beliau, Siddiq belum sempat pun menjalankan peranannya dan hanya baru diasuh untuk menjadi agen KGB dari tahun 1979 hingga ia ditangkap.

Tan Sri Ghazali bagaimana pun tidak dapat memastikan apakah Siddiq telah cuba melarikan diri keluar negeri kerana bekas Setiausaha Politik kepada Timbalan Perdana Menteri itu tidak ditangkap di rumah.

Siddiq dipecat dari jawatannya oleh Jabatan Perdana Menteri pada Sabtu lalu, katanya kepada para pemberita ketika dalam perjalanan pulang dari Songkhla di sini kerana menghadiri sidang Jawatankuasa Bersama Sempadan Malaysia-Thai.

Tan Sri Ghazali berkata, kakitangan KGB telah membekalkan kepada Siddiq alat-alat seperti sebuah radio bimbit yang boleh menghantar isyarat-isyarat tertentu.

Alat tersebut digunakan mengarah

Siddiq untuk pertemuan-pertemuan dengan V.P. Romanov, Ketua KGB di Kedutaan Soviet di sini.

Tan Sri Ghazali berkata, Siddiq dan Romanov biasanya bertemu sebelah malam di tempat-tempat gelap.

Beliau lalu menunjukkan kepada para pemberita gambar-gambar yang diambil oleh perisik-perisik Malaysia, menunjukkan Romanov dan Siddiq bercakap-cakap dalam kereta Mercedes Siddiq di salah satu pertemuan mereka.

Siddiq juga dibekalkan dengan kamera-kamera dan sebuah beg kulit yang mengandungi ruang-ruang tertentu.

Kesemua alat-alat itu dirampas.

Tersilap

Tan Sri Ghazali berkata, orang-orang KGB itu, yang begitu yakin dengan gerakan mereka, juga tersilap langkah.

"Tetapi ini bukanlah bermakna para perisik kita tidak dapat mengesan mereka jika mereka cakap sekali pun," tegasnya.

Orang-orang KGB itu barangkali telah hilang pertimbangan kerana membekalkan alat-alat tersebut kepada Siddiq.

Mereka juga, tambahnya, berkelakuan mencurigakan, menempah bilik hotel dengan nama-nama lain pada waktu-waktu yang tertentu.

Kelakuan-kelakuan mereka itulah yang mudah dikesan oleh para perisik Malaysia.

Tan Sri Ghazali berkata, beliau terperanjat Romanov dan pembantu-pembantunya, Stepanov dan Khamidouline, menyalahgunakan kedudukan mereka sebagai pegawai-pegawai diplomat.

Stepanov, Setiausaha Pertama di Kedutaan Soviet dan Khamidouline, kakitangan bukan diplomatik di Bahagian Ekonomi telah diusir bersama Romanov semalam.

Mereka meninggalkan Kuala Lumpur malam tadi bersama anak-anak dan isteri ke Moscow melalui Singapura.

Jangan hantar ke Kanada

KUALA LUMPUR, Selasa — Jabatan Perkhidmatan Pos hari ini menasihatkan orang-ramai jangan mengirim surat dan bungkusan ke Kanada sehingga diberitahu kelak.

Satu kenyataan jabatan itu berkata, hantaran mel dari dan ke negara tersebut akan dihentikan akibat pertikaian perusahaan dalam perkhidmatan pos Kanada yang kini berlarutan. — Bernama.